

BETAMETHASONE TABLET

Betamethasone (0.5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Betamethasone Tablet
2. Bagaimana Betamethasone Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Betamethasone Tablet
4. Cara menggunakan Betamethasone Tablet
5. Semasa menggunakan Betamethasone Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Betamethasone Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Betamethasone Tablet

Betamethasone Tablet digunakan untuk merawat penyakit berkaitan dengan keradangan seperti demam reumatis akut dan kronik, artritis reumatoïd (keradangan yang menjelaskan sendi di tangan dan kaki), asma, myolitis (keradangan saraf tunjang) dan dermatitis (keradangan kulit).

Bagaimana Betamethasone Tablet berfungsi

Betamethasone adalah glucocorticoid yang berupaya mengurangkan atau mencegahkan tindak balas inflamasi dalam tisu badan.

Sebelum Mengambil Betamethasone Tablet

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Betamethasone Tablet:

- jika anda alergik terhadap bahan dalam Betamethasone Tablet.
- jika anda menghidapi jangkitan sistemik kulat, ulser perut, osteoporosis (tulang menjadi rapuh dan lemah), atau masalah mental.
- jika anda hamil atau menyusukan anak. Penggunaan Betamethasone Tablet semasa mengandung, menyusukan bayi dan wanita yang boleh melahirkan anak perlu dirunding bersama doktor kerana potensi manfaat perlu dipertimbangkan terhadap potensi risiko kepada ibu, embrio atau janin.

- Sebelum mengambil Betamethasone Tablet

Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Jangan mengambil vaksin jika anda menerima terapi kortikosteroid sistemik

dos tinggi. Kortikosteroid mungkin menyembunyikan tanda jangkitan dan jangkitan baru mungkin muncul semasa penggunaannya. Ia juga mungkin menurunkan kadar rintangan dan tidak berupaya untuk mengenalpasti jangkitan apabila kortikosteroid digunakan.

Kortikosteroid perlu diambil bersama dengan agen kemoterapi atau antibiotik untuk merawat jangkitan akut atau kronik.

Orang yang melakukan terapi ini perlulah mengamalkan diet protein yang tinggi. Penjagaan perlu diambil sekiranya anda mempunyai masalah kegagalan jantung kongestif kerana kemungkinan berlakunya pengekalan cecair. Perhatian perlu diambil apabila penggunaan ubat ini oleh orang tua.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda berhasrat untuk menggunakan Betamethasone Tablet bersama-sama dengan ubat-ubatan yang lain. Selain itu, anda juga perlu memaklumkan kepada mereka tentang semua ubat yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Betamethasone Tablet

- Berapa banyak harus diambil

Dewasa: Bermula dengan 1.5mg hingga 3mg. Dos pengekalan: 0.5 to 1.5mg setiap hari, dalam dos berbahagi 2 hingga 4 kali sehari.

- Bila perlu diambil

Betamethasone Tablet perlu diambil selepas makan atau sebelum tidur.

- Berapa lama perlu diambil

Betamethasone Tablet perlu diambil mengikut arahan doktor anda.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos Betamethasone Tablet, ambil dos itu secepat mungkin apabila anda teringat. Jika sudah mendekati masa pengambilan dos yang seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan terus ambil dos seterusnya. Jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Betamethasone Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah regimen dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor:

- jika anda mengambil ubat-ubatan selain daripada Betamethasone Tablet.
- jika anda mempunyai ulser perut atau usus, penyakit buah pinggang, darah tinggi, glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata), sawan dan kencing manis.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan Betamethasone Tablet adalah gangguan cecair dan elektrolit, kelemahan otot, osteoporosis, ulser perut yang boleh disertai dengan penembusan dan pendarahan, penjejasan proses penyembuhan luka, kemerahan muka, sawan, gangguan haid tidak tetap, penindasan pertumbuhan pada kanak-kanak, pengurangan toleransi karbohidrat, tekanan tinggi dalam mata dan keseimbangan nitrogen terjejas kerana gangguan pemecahan protein. Rawatan kortikosteroid dos tinggi yang lama kadang-kadang mengakibatkan katarak (kekaburran kanta mata) yang menjelaskan belakang lensa mata, dan penipisan kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→ Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Betamethasone Tablet

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

- Pelupusan

Lupuskan ubat ini jika anda diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda untuk berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah melepassi tarikh luput.

Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk bulat berwarna putih dengan diameter 6.4mm, sebelah bahagian



bertanda “^{Y8} 5604”, dan sebelah lagi dengan skor.

- Bahan – bahan kandungan

- Bahan aktif

Betamethasone

- Bahan tidak aktif

Lactose

Microcrystalline Cellulose

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Stearate

- Nombor MAL

MAL19940031A

Pengilang

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/02/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)020216/00024